

U B142 DE-

MAHATHIR-LIBERAL

KUCHING, 29 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI SIKAP LIBERAL YANG DIAMALKAN OLEH KERAJAAN BARISAN NASIONAL MEMBOLEHKAN SESIAPA SAHAJA MENEGUR KERAJAAN DAN TIDAK SEMESTINYA DATANG DARIPADA PEMBANGKANG SAHAJA.

PERDANA MENTERI BERKATA DENGAN ITU YANG PENTING BAGI NEGARA INI IALAH SEBUAH KERAJAAN YANG KUKUH SUPAYA IA DAPAT MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA SOAL PEMBANGUNAN.

KERAJAAN YANG KUKUH PERLU MENDAPAT MAJORITI DUA PERTIGA PADA PILIHAN RAYA UMUM INI KERANA KELEBIHAN KERUSI YANG SEDIKIT TIDAK DAPAT MENJAMIN KESTABILAN POLITIK DI NEGARA INI, KATANYA SEBELUM MERASMIKAN JALAN RAYA SIMUNJAN KE BUKIT PUNDA SEJAUH 50 KM DI SIMUNJAN KIRA-KIRA 100 KM DARI SINI.

PERDANA MENTERI YANG DIIRINGI OLEH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH TIBA DI SINI PETANG INI KERANA LAWATAN SINGKAT KE SARAWAK.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA NEGARA-NEGARA YANG MEMPUNYAI KERAJAAN YANG LEMAH TERBUKTI TIDAK DAPAT MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA SOAL PEMBANGUNAN KERANA TAKUT-TAKUT UNTUK BERTINDAK BAGI KEPENTINGAN RAKYATNYA SEMATA-MATA UNTUK MENJAGA POPULARITINYA. -- LAGI.
2050MST 29 07 86

U B143 DEB

MAHATHIR-LIBERAL 2 KUCHING

SEBALIKNYA DI NEGARA INI HASIL DARIPADA KERAJAAN YANG KUKUH SEJAK PERIKATAN MEMERINTAH DAN SEKARANG BN, KERAJAAN DAPAT MELAKSANAKAN PEMBANGUNAN TANPA TERLALU MEMIKIRKAN SOAL POPULARITINYA, KATA BELIAU.

DALAM PADA ITU, DENGAN SIKAP LIBERAL KERAJAAN, ANGGOTA-ANGGOTA BN MASIH BOLEH MENYUARAKAN KRITIKAN MEREKA TERHADAP KERAJAAN DAN CARA INI DAPAT MENYELESAIKAN MASALAH KAUM-KAUM YANG DIWAKILI OLEH MEREKA, TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BN MERUPAKAN PARTI CAMPURAN DI NEGARA INI YANG BENAR-BENAR MEWAKILI SEMUA KAUM DAN TIDAK ADA PARTI LAIN YANG DAPAT MENGGANTIKAN TEMPATNYA.

KERAJAAN BN MEMENTINGKAN SEMUA KAUM DI NEGARA INI DAN DARI SEJAK MERDEKA HINGGA SEKARANG, KERAJAAN TIDAK MEMPUNYAI NIAT LAIN SELAIN BERUSAHA MENGIMBANGI KEMAJUAN KAUM-KAUM DI NEGARA INI, TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEMUA NEGERI TERMASUK SARAWAK DIBERI PERUNTUKAN PEMBANGUNAN YANG BESAR WALAUPUN PENDUDUKNYA TIDAK BANYAK.

PEMBANGUNAN SARAWAK SEJAK MENCAPAI KEMERDEKAAN MELALUI MALAYSIA KIRA-KIRA 23 TAHUN LEPAS TIDAK DAPAT DINAFIKAN LEBIH PESAT DARIPADA SEMASA BERADA DI BAWAH PENJAJAH BRITISH. -- LAGI.
2054MST 29 07 86

MAHATHIR-LIBERAL 3 KUCHING

DATUK SERI DR MAHATHIR YAKIN BN AKAN MENCAPAI KEMENANGAN BESAR DAN MUNGKIN MENYAPU BERSIH 24 KERUSI PARLIMEN DI NEGERI INI.

BELIAU MENYERU RAKYAT SARAWAK SUPAYA MEMBANTU MENGUATKAN PERWAKILAN BN DI DEWAN RAKYAT DENGAN MEMBERI SOKONGAN KEPADA CALON-CALON BN.

KATANYA PENYERTAAN WAKIL-WAKIL RAKYAT SARAWAK DI PARLIMEN DAPAT MEMASTIKAN KEPENTINGAN RAKYAT SARAWAK TERJAMIN PADA PERINGKAT PUSAT. PERDANA MENTERI YANG JUGA PENERUSI BN BERKATA BN DAN UMNO TIDAK MENYOKONG MANA-MANA CALON BEBAS DAN PEMBANGKANG YANG BERTANDING DI SARAWAK.

BELIAU JUGA MENASIHAT ORANG-ORANG TERTENTU YANG MEMPUNYAI PERSELISIHAN FAHAM PERIBADI DENGAN KETUA MENTERI DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD SUPAYA JANGAN MENGHERET PERKARA ITU KE DALAM KANCAH POLITIK NEGERI INI.

KATANYA MEREKA YANG SUDAH BERSARA DARIPADA ARENA POLITIK DAN SUDAH LANJUT USIA TIDAK SEWAJARNYA MENIMBULKAN MASALAH KERANA SETIAP PEMIMPIN BARU YANG MENGGANTIKAN MEREKA MEMPUNYAI CARA MENTADBIR YANG TERSENDIRI DAN PERLU DIHORMATI. -- BERNAMA.

2101MST 29 07 86